

Menelusuri Kata SWAFOTO

KOSA KATA dalam bahasa sentiasa bertambah dari semasa ke semasa. Hal ini dikatakan kerana kata yang baharu sama ada yang dicipta ataupun dipinjam daripada bahasa lain, masuk ke dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Lazimnya, kata baharu membawa konsep atau gagasan yang belum wujud dalam bahasa tersebut.

KATA swafoto atau *selfie* merupakan antara perkataan terbaharu yang masuk dalam kosa kata bahasa, termasuk dalam bahasa Melayu. Kata *selfie* kini sudah dirakam dalam beberapa buah kamus Inggeris ternama, seperti *Oxford Dictionary*, *Collins Dictionary* dan *Cambridge Dictionary*.

Namun demikian, kata tersebut belum lagi dirakam dalam *Kamus Dewan* atau kamus Melayu yang lain.

Swafoto cuma dirakam sebagai istilah dalam bidang, seperti teknologi maklumat dan komunikasi serta fotografi. Penulis berpendapat secara perlahan-lahan perkataan swafoto akan dimuatkan dalam kamus bahasa Melayu. Walau bagaimanapun dewasa ini, penggunaan kata *selfie* lebih meluas dalam kalangan pengguna bahasa, khususnya dalam media sosial.

Swafoto bermaksud mengambil gambar foto dengan usaha sendiri menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital.



Walaupun terdapat sebilangan pengguna bahasa Melayu masih menggunakan *selfie* dalam tulisan mereka, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mencadangkan agar istilah swafoto digunakan sebagai padanan bagi kata *selfie*. Istilah tersebut dibentuk daripada awalan perkataan Sanskrit, iaitu "swa" yang bermaksud sendiri dan kata foto, iaitu kata pinjaman Inggeris, *photo*, lalu dibentuk istilah baharu menjadi swafoto (swa+foto).

Swafoto digunakan untuk membawa maksud mengambil gambar foto dengan usaha sendiri menggunakan kamera telefon pintar atau kamera digital. Kecenderungan menggunakan istilah swafoto dalam kalangan pengguna bahasa Melayu semakin meningkat dewasa ini, walaupun masih banyak yang memilih *selfie*. Diharapkan istilah swafoto akan menjadi pilihan utama bagi pengguna bahasa Melayu di negara ini tidak lama lagi.

Bilakah kata *selfie* muncul dalam bahasa? Pertama kali perkataan *selfie* digunakan sebagai kata slanga bagi kata potret diri (*self-portrait*) pada tahun 2002. Kata tersebut sebenarnya berasal daripada kata *self* dan *ie* (*self+ie*) dalam

bahasa Inggeris. Penggunaan kata *selfie* tersebar luas sejak tahun 2005. Kata tersebut juga dikenali sebagai *selfy* dalam bahasa Inggeris.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan menyatakan konsep ini sudah lama digunakan lebih awal lagi. Kira-kira pada tahun 1839 oleh Robert Cornelius, seorang pelopor jurugambar Amerika Syarikat pernah mengambil gambar sendiri secara swafoto. Dia menamakan gambar itu sebagai *first light picture ever taken*.

Lihatlah gambar swafoto tersebut seperti gambar yang ditunjukkan

di bawah ini. Inilah gambar swafoto pertama yang pernah diambil. Walaupun Cornelius tidak menggunakan istilah *selfie*, namun konsep swafoto sudah diperkenalkan.

Negara Australia pula menuntut bahawa negara tersebut mencipta istilah *selfie* yang kemudian dijadikan perkataan bagi tahun 2013 oleh *Oxford Dictionary*. Kata *selfie* difahamkan pertama kali digunakan oleh orang Australia yang bernama Nathan Hope. Beliau menghuraikan bahawa gambar swafoto yang diambil itu ketika beliau mabuk dalam jamuan hari jadi yang ke-21. Dia berkata gambar yang diambil tidaklah jelas kerana gambar itu merupakan gambar swafoto dan menyatakan hal tersebut seperti yang berikut: "*And sorry about the focus, it was a selfie*".



Gambar swafoto pertama di dunia diambil pada tahun 1839.

Dalam bahasa Inggeris Australia, ada kecenderungan untuk menggunakan "ie" untuk mencipta perkataan yang baharu. Antaranya termasuklah *barbie* (*barbecue*), *firie* (*firefighter*), *postie* (*postman*) dan *tinnie* (*can of beer*). Selain itu, didapati bahawa penggunaan "ie" di Australia amat lumrah sebagai slanga bahasa Inggeris Australia.

Di Malaysia pula, kata *selfie* menjadi popular sekitar tahun 2013 apabila mula digunakan dalam akhbar tempatan. Kini, perkataan *selfie* terdapat dalam tulisan majalah, kertas kerja, buku dan media massa.

Selfie yang bererti potret diri, lazimnya ialah gambar yang diambil oleh kamera telefon bimbit. Lihat beberapa contoh penggunaan kata *selfie* seperti yang berikut:

Difahamkan kedua-dua gadis malang itu mati lemas selepas tergelincir ke dalam sungai ketika mencari posisi terbaik bagi merakamkan *selfie* mereka.

Selfie mampu "menceritakan" masalah emosi atau tingkah laku seseorang dengan cara dan aksi *selfie* yang dirakamkan.

Sejarah *selfie* yang pertama di dunia dikatakan diambil pada tahun 1839 oleh jurugambar, Robert Cornelius.

Selfie dapat juga dianggap menonjolkan keyakinan dan kebanyakan artis juga menggunakan kaedah ini dalam instagram, terutamanya dalam laman web sosial yang lain.

Selain kata *vape* dan *selfie*, terdapat beberapa perkataan baharu yang digunakan dalam akhbar bertarikh pada 12 dan 15 Disember 2015.

Demikianlah sedikit perbincangan tentang kemunculan kata *selfie* yang cukup popular dewasa ini dalam bahasa dan dalam kalangan masyarakat, terutamanya oleh kumpulan anak muda pada masa ini. Kemunculan kata seperti *selfie* amat lumrah dalam bahasa untuk mencukupkan istilah dan konsep yang baharu dalam budaya dan bahasa masyarakat. Perkataan yang baharu sentiasa akan muncul untuk mengungkapkan konsep atau gagasan baharu. Inilah sifat evolusi bahasa di dunia!

Sekadar nasihat, berhati-hatilah ketika mengambil gambar swafoto kerana banyak juga yang telah mengalami kecelakaan semasa berswafoto. Perkembangan teknologi haruslah dimanfaatkan dengan cermat dan tidak wajar perkembangan tersebut membawa kemudaratatan kepada diri sendiri. **PB**